

Analisis Naratif Fasa Kehidupan Miskawayh (932-1030 M)

[Narrative Analysis on the Life Phases of Miskawayh (932-1030 M)]

Kamal Azmi Abd Rahman^{1*} & Indriaty Ismail²

¹ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, kamalazmi@kuis.edu.my, +6019-2480564.

² Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Malaysia, indriaty@ukm.edu.my, +60 17-219 0502.

* Corresponding Author: Dr. Kamal Azmi Abd. Rahman. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, kamalazmi@kuis.edu.my, +6019-2480564.

Keywords:

*Miskawayh; Moral
Philosophy; Tahdhīb al-
Akhlāq; Narrative;
Biography*

ABSTRACT

Miskawayh is an important figure in the development of Islamic ethical philosophy. The synthesis between Greek philosophy and Islamic knowledge which he developed in the Middle Ages is considered a significant innovation in the formation of Islamic ethical philosophy. Miskawayh's scholarship can be seen in his career commitment and in academic circles during his stay in his hometown Rayy and Baghdad. Though Miskawayh's biography has been widely presented, his biographical narrative in this study is needed to ascertain his life changes based on different phases of his life. Therefore, this qualitative study will discuss the biography of Miskawayh. A biographical narrative analysis of Miskawayh found four major phases in his life. The first phase (up until the age of about 20) was when he obtained basic Islamic knowledge and studied chemistry. The second phase was between 956 AD and 963 AD in Baghdad. During that period of time, he was involved in the discussion of philosophy and dealing with moral issues. The third phase was in 963 AD in Rayy, Iran, where he dedicated his time studying various themes of writing and teaching. The fourth phase was between 976 AD and 1030 AD, at the age of 44 until his death at the age of 96 in Isfahān, Iran. During this phase, he was active in philosophical writings and refining ethics. Due to the breadth of Miskawayh's knowledge and experience, his writings on ethics have been influential, especially his magnum opus entitled Tahdhīb al-Akhlāq that has received a substantial amount of attention from the Islamic and Western scholars to this day. This work written to the end of Miskawayh's life proved his scholarly interest in philosophy, self-development, and career.

Kata Kunci:

*Miskawayh; Falsafah
Akhlak; Tahdhīb al-Akhlāq;
Naratif; Biografi*

ABSTRAK

Miskawayh merupakan seorang tokoh penting dalam perkembangan ilmu falsafah akhlak. Sintesis falsafah Yunani dengan ilmu Islam yang telah dilakukan oleh beliau pada abad pertengahan dianggap sebagai suatu inovasi yang signifikan dalam pembentukan ilmu akhlak Islam. Kesarjanaan Miskawayh boleh

dilihat melalui komitmennya terhadap kerjaya dan dunia akademik sepanjang beliau berada di Rayy, Iran kota kelahirannya dan juga ketika berada di Baghdad. Walaupun biografi Miskawayh telah banyak dibentangkan, naratif biografi beliau di dalam kajian ini diperlukan bagi mengenal pasti perubahan hidup Miskawayh berdasarkan kepada fasa kehidupannya yang berbeza. Oleh itu, kajian berbentuk kualitatif ini akan membahaskan tentang biografi Miskawayh. Analisis naratif terhadap biografi tersebut mendapati bahawa Miskawayh telah melalui empat fasa penting dalam kehidupannya. Fasa pertama (sehingga usianya kira-kira 20 tahun) ialah ketika beliau mendapatkan ilmu asas Islam dan mempelajari tentang ilmu kimia. Fasa kedua ialah antara 956 sehingga 963 Masihi di Baghdad. Ketika ini beliau terlibat dengan perbincangan falsafah dan berhadapan dengan masalah akhlak. Fasa ketiga pula ialah pada tahun 963 Masihi di Rayy, Iran di mana beliau telah mendedikasikan masanya untuk menelaah pelbagai tema penulisan dan mengajar. Fasa yang keempat ialah pada 976 Masihi iaitu ketika usianya mencecah 44 tahun sehingga beliau meninggal dunia pada 1030 Masihi pada usia 96 tahun di Işfahān, Iran. Pada fasa ini, beliau aktif dalam penulisan falsafah dan melakukan mujahadah dalam akhlak. Oleh kerana keluasan ilmu dan pengalaman yang telah dilalui oleh Miskawayh dalam empat fasa ini, penulisan beliau tentang akhlak terutamanya di dalam *magnum opus* yang bertajuk *Tahdhīb al-Akhlāq* menjadi sebuah karya yang berpengaruh dan mendapat perhatian pengkaji Islam dan Barat sehingga kini. Karya yang telah ditulis di penghujung hayat Miskawayh ini telah membuktikan keserjanaan beliau dalam ilmu falsafah, hal pembangunan sendiri serta kerjaya.

Received: April 04, 2020

Accepted: May 02, 2020

Online Published: June 01, 2020

1. Pengenalan

Abad pertengahan telah menyaksikan pertumbuhan budaya dan intelektual yang pesat dalam tamadun Islam. Ketika ini lahir ramai cendekiawan Islam yang terkenal seperti Abū Bakr Muḥammad ibn Zakariyyā al-Rāzī, Abū 'Alī Sīnā (Ibn Sīnā) dan lain-lain (Darusalam, 2017). Abū 'Alī Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ya'qūb Miskawayh juga merupakan salah seorang daripada produk kecemerlangan abad ini. Seperti tokoh-tokoh yang lain, beliau merupakan seorang *polymath* iaitu seorang yang menguasai pelbagai cabang ilmu seperti kimia, psikologi, bahasa dan sejarah (Jamal al-Din, 2001). Menurut Siddiqui (2001), Miskawayh adalah seorang ahli falsafah moral, sejarawan dan pemikir teistik yang sangat berpengaruh di Parsi. Oleh itu, sumbangan beliau dalam perkembangan ilmu abad pertengahan sama penting dengan tokoh-tokoh yang lain. Namun begitu, dalam penulisan tentang sumbangan tokoh abad pertengahan dan tamadun Islam oleh Darusalam (2017), Abdul Latiff, Hamzah & Mad Aros (2015) dan Hj. Daud (2004), Miskawayh kurang diberikan perhatian dari aspek sumbangannya jika dibandingkan dengan tokoh lain seperti Ibn Sīnā, al-Rāzī dan lain-lain.

Dalam bidang falsafah, penulisan Miskawayh cenderung kepada perbahasan falsafah akhlak dan sains politik (Kraemer, 1986). Menurut Leaman (2008), Miskawayh merupakan seorang ahli politik dan pada masa yang sama adalah seorang ahli falsafah. Beliau juga mempunyai pemikiran yang bebas seperti yang dinyatakan oleh al-Tawhīdī sebagai *anomaly* (keganjilan) kerana penilaian Miskawayh yang adil dan rasional. Kajian tentang keserjanaan Miskawayh juga tertumpu kepada bidang akhlak contohnya kajian Muḥammad al-'Amru (2006), Omar (2015 & 2003), Mohamed Taib (2004), Abu Bakar (1989), Fakhry (1975), Ansari (1964), Walzer (1956), 'Abd al-'Aziz (1946) dan banyak lagi. Ini disebabkan oleh beberapa penulisan yang signifikan telah dihasilkan oleh beliau dalam bidang akhlak seperti *Al-Fawz al-Asghār*, *Al-Fawz al-Akbar*, *Kitāb al-Sa'ādah*, *Kitāb al-Hikmah al-Khālidah* dan *Tahdhīb al-Akhlāq* yang dianggap sebagai literatur paling penting dalam pembentukan ilmu akhlak Islam atau falsafah etika Islam. Oleh kerana

itu, menurut Y Moahmed (2000), Miskawayh merupakan ahli falsafah Arab pertama yang telah menulis dalam bidang akhlak manakala *Tahdhīb* pula telah memberikan pengaruh besar kepada pembentukan falsafah akhlak Islam. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji biografi Miskawayh. Di samping menonjolkan keserjanaan tokoh, kajian juga ingin melakukan analisis naratif terhadap riwayat kehidupan beliau.

2. Metodologi Kajian

Riwayat hidup atau biografi tokoh bukan sekadar huraian kronologi fakta peribadi. Biografi adalah penjelasan tentang proses pembentukan dan pembinaan sejarah peribadi seseorang tokoh berdasarkan kepada persekitaran terutamanya sosial dan politik. Kajian biografi juga menjadi salah satu daripada kajian penting dalam cabang sosiologi yang mana menjelaskan tentang hubungan pengalaman individu dengan institusi sosial dan kedudukan seseorang dalam sejarah dan tradisi masyarakat. Oleh itu, kajian biografi tokoh kebiasaannya akan menggunakan protokol temubual, video, dokumen berkaitan dan gambar (Kridel, 2020).

Namun demikian, tokoh yang dipilih telah meninggal dunia kira-kira sepuluh abad yang lalu maka, kajian ini akan menggunakan karyanya yang tersohor iaitu *Tahdhīb al-Akhlāq* sebagai sumber primer dan beberapa penulisan tokoh lain yang sezaman dengannya seperti Muḥammad ibn Mūsā al-Khwārizmī dan ‘Alī ibn Muḥammad ibn ‘Abbās al-Tawhīdī. Di samping itu, sumber sekunder yang penting bagi kajian ini adalah hasil kajian pengkaji seperti Ansari (1964) dan Omar (2003). Kandungan sumber primer dan sekunder mengenai biografi Miskawayh dianalisis dan diberikan interpretasi berdasarkan kepada empat fasa kehidupan mengikut keserjanaan beliau dalam bidang falsafah.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Zinn (2004) dalam bidang penyelidikan naratif terdapat banyak kajian mengenai biografi dan autobiografi. Menerusi kaedah naratif, kajian ini membentangkan perjalanan, pemikiran dan liku-liku hidup yang telah dilalui oleh Miskawayh sebagai seorang tokoh pemikir penting pada abad pertengahan dalam tamadun Islam. Kajian ini menganalisis riwayat hidup Miskawayh daripada kelahiran sehingga ke akhir hayatnya. Ini kerana kajian naratif biografi adalah sebuah kajian yang dinamik dan tidak semestinya riwayat tokoh dinyatakan satu persatu daripada lahir sehingga meninggal dunia (Kridel, 2020).

Data yang diperolehi daripada sumber yang telah dinyatakan dianalisis secara deduktif berdasarkan kepada empat fasa kehidupan iaitu; 1) Pendidikan Awal, 2) Mengenal Falsafah, 3) Mempraktik Falsafah dan 4) Menganalisis Pemikiran Falsafah. Berdasarkan perspektif yang telah dikemukakan, kajian ini menguji dan menganalisis secara kritis rakaman sejarah dan peninggalan masa lampau daripada teks serta hubungannya dengan pembentukan keserjanaan beliau. Ini kerana riwayat kehidupan Miskawayh akan lebih difahami berdasarkan kepada fakta sejarah dan latar sosial kehidupan beliau tersebut.

3. Biografi Miskawayh dan Empat Fasa Kehidupannya

Nama penuh Miskawayh ialah Abū ‘Alī Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ya‘qūb Miskawayh al-Khāzin. Terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan ahli sejarah berkenaan dengan tarikh kelahiran Miskawayh namun begitu, majoriti berpandangan bahawa beliau telah dilahirkan pada tahun 932M (Omar, 2003). Beliau telah meninggal dunia pada 9 Safar 421H bersamaan dengan 16 Februari 1030M di Iṣfāhān. Selain itu, terdapat juga perselisihan pendapat mengenai nama panggilan beliau sama ada Ibn Miskawayh atau Miskawayh. Menurut Omar (2003), terdapat pengkaji sejarah tokoh Islam seperti al-Shaharastānī (m. 1153M), al-Bayhaqī (m. 1169M) dan Ḥajjī Khalīfa (m. 1657M) yang menggunakan gelaran Ibn Miskawayh atau Ibn Maskawayh.

Namun begitu, terdapat fakta yang jelas menunjukkan bahawa nama sebenar beliau adalah Miskawayh. Menurut Ansari (1964), Miskawayh adalah gelaran yang digunakan oleh penulis-penulis yang hidup sezaman dengannya. Omar (2003) juga menyatakan bahawa sahabat karib Miskawayh seperti al-Tawhīdī (m. 1023M), al-Tha‘labī (m. 1032M) dan al-Sijistānī (m. 1001M) telah memanggil beliau dengan nama Abū ‘Alī Miskawayh atau Miskawayh mengukuhkan lagi pandangan bahawa nama beliau adalah Miskawayh dan bukannya Ibn Miskawayh atau Ibn Maskawayh. Oleh itu, Leaman (2006) menyatakan di dalam *The Biographical Encyclopaedia of Islamic Philosophy* bahawa gelaran sebenar kepadanya ialah Miskawayh dan bukan Ibn Miskawayh walaupun kebiasaannya beliau lebih dikenali sebagai Ibn Miskawayh. Penterjemah buku *Tahdhīb al-Akhlāq*, Zurayk (1968) juga menyatakan dalam terjemahannya yang bertajuk *The Refinement of Character* bahawa gelaran Miskawayh atau *laqab* ini adalah kepunyaan beliau sendiri dan bukan daripada ayah atau datuknya. Oleh itu, panggilan yang dinasabkan kepada beliau sebagai Ibn Miskawayh adalah tidak tepat.

Miskawayh telah diberi gelaran *al-khāzin* yang bermaksud penjaga, pemegang amanah atau bendahara (Omar, 2003). Ini kerana Miskawayh merupakan seorang bendahara merangkap pustakawan bagi Kerajaan

Buwayhid di era pemerintahan Sultan 'Aḍud al-Dawlah (m. 983M). Selain itu, beliau juga berkhidmat dalam bidang kesetiausahaan, pengurusan perbendaharaan dan kepustakawanan bagi pemerintah-pemerintah lain seperti *wazīr* al-Muhallabi (m. 963M), Abū al-Faḍl (m. 970M) dan Abū al-Faṭḥ (m. 976M). Gelaran *al-khāzin* ini adalah satu penghormatan kepadanya kerana beliau merupakan seorang sarjana yang mempunyai banyak khazanah atau ilmu.

Satu penghormatan lagi bagi kesarjana Miskawayh dalam bidang falsafah ialah gelaran sebagai *mu'allim al-thālith*. Gelaran ini bermaksud guru ketiga selepas Aristotle (m. 322SM) dan al-Fārābī (m. 950M) sebagai guru pertama dan kedua kerana penguasaannya dalam ilmu-ilmu falsafah Yunani. Oleh kerana itu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, Miskawayh lebih dikenali melalui penulisan falsafah akhlak sehinggakan gelaran 'bapa falsafah akhlak' begitu sinonim dengan dirinya. Gelaran ini diberikan kepada beliau kerana usahanya membina ilmu etika atau akhlak sebagai salah satu disiplin ilmu Islam yang berdiri sendiri dan bukan lagi sebagai pengantar ilmu falsafah politik (Ansari, 1964).

Bagi menjawab persoalan agama Miskawayh, terdapat sebahagian penulis biografi Miskawayh mendakwa agama asal beliau sebelum memeluk Islam ialah Zoroastrianisme. Menurut Yāqūt (1993), penulis *Mu'jam al-Udabā'*, agama asal beliau ialah majusi atau *mazdaniyyah*. Dakwaan ini walau bagaimanapun telah disangkal oleh pengkaji lain kerana terdapat bukti bahawa keluarga beliau telah memeluk Islam sebelum beliau dilahirkan lagi. Ansari (1964) telah mengemukakan beberapa alasan bagi mengukuhkan dakwaan bahawa Miskawayh adalah seorang Muslim sejak dilahirkan lagi. Pertama, nama Miskawayh iaitu Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ya'qūb membuktikan bahawa beliau bukan seorang mualaf. Penulisan Miskawayh yang komprehensif dan mendalam tentang Islam juga menyebabkan sukar untuk dipercayai bahawa ianya adalah hasil penulisan seorang yang baru memeluk Islam. Walau bagaimanapun, kebanyakan penulis bersetuju bahawa datuknya merupakan seorang penganut Zoroastrianisme yang telah memeluk Islam. Oleh itu, Miskawayh sememangnya dilahirkan sebagai seorang Muslim atau seorang penganut agama Islam dan beliau juga mempunyai latar belakang keluarga bukan Islam iaitu dari datuknya yang menganut kepercayaan Zoroastrianisme.

Kebanyakan penulis juga bersetuju bahawa Miskawayh adalah seorang yang berfahaman Syiah. Kraemer (1984 & 1986) menyatakan bahawa gaya penulisan Miskawayh mirip dengan gaya penulisan al-Fārābī dan Ikhwān al-Ṣafā yang beraliran Syiah. Malahan dakwaan ini disokong oleh fakta bahawa tampuk pemerintahan ketika itu yang telah menjadi majikan kepada Miskawayh, kerajaan Buwayhid juga beraliran Syiah. Ini ditambah lagi oleh kekerapan beliau memetik kata-kata 'Alī dalam penulisan *Tahdhīb*. Oleh kerana itu, seperti yang dinyatakan oleh Ansari (1964) dan Kraemer (1986), dakwaan bahawa Miskawayh berfahaman Syiah mempunyai asas yang kukuh dan boleh dipercayai.

Perbincangan seterusnya tentang biografi Miskawayh dibahagikan kepada empat bahagian. Ini kerana kajian tentang biografi beliau mendapati bahawa pembentukan kesarjanaannya turut dibantu oleh latar kehidupan yang dicirikan dengan suasana akademik dan intelektual yang pesat. Oleh itu, analisis biografi ini telah mengenalpasti empat fasa penting yang telah dilalui olehnya dalam pembentukan ketokohan Miskawayh dalam pelbagai cabang ilmu terutamanya falsafah akhlak Islam.

3.1 Fasa Pertama: Pendidikan Awal

Fasa pertama biografi Miskawayh adalah bermula dari kelahirannya sehingga usianya mencecah lingkungan 24 tahun. Tempat kelahirannya adalah di Rayy, Iran pada waktu itu yang terkenal sebagai sebuah kota ilmu yang telah melahirkan ramai tokoh dan ilmuwan, antaranya ialah Abū Bakr al-Rāzī (m. 925) iaitu seorang tokoh fizik dan sains yang telah meninggal dunia sebelum kelahirannya. Walaupun begitu, era ketamadunan Islam pada waktu tersebut diwarnai dengan dua keadaan yang berbeza iaitu keadaan yang positif di mana banyaknya berlaku kajian-kajian saintifik dan kepelbagaian penemuan baru manakala keadaan yang sebaliknya ialah apabila berlakunya krisis ekonomi, kecelaruan politik dan juga permasalahan moral dan sosial (Ansari, 1964). Krisis sosial, ekonomi dan politik tersebut tidak mengganggu perkembangan keilmuan Miskawayh. Ini kerana keadaan kondusif dalam bidang akademik telah menyediakan prasarana buat Miskawayh untuk menguasai kepelbagaian ilmu yang ditawarkan di zaman tersebut.

Tiada banyak maklumat yang diperolehi tentang latar belakang kehidupan Miskawayh dan pendidikannya di peringkat awal. Beliau berasal daripada keluarga yang senang. Bapanya kurang memberikan perhatian kepada soal pendidikan anak-anak dan telah meninggal dunia sewaktu beliau masih kecil lagi. Miskawayh kemudian terus dijaga oleh ibunya. Kehilangan ayah sedikit sebanyak telah merencatkan pembangunan diri dan akhlak Miskawayh. Miskawayh (2005) menyatakan di dalam *Tahdhīb* bahawa beliau pernah terjebak ke kancah masalah moral. Ini ditambah lagi apabila ibunya berkahwin untuk kali yang kedua

dengan lelaki lain yang jauh lebih muda dari usia ibunya (al-Khwārizmī, 1879). Miskawayh tidak dapat menerima perkahwinan tersebut memandangkan perbezaan usia yang ketara antara ibu dengan bapa tirinya yang terlalu muda dan kelihatan seperti abangnya. Miskawayh merasakan terdapat kemungkinan yang lelaki muda tersebut tertarik kepada ibunya kerana kedudukan dan harta keluarganya. Perkahwinan ini sangat mengganggu emosi beliau dan telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada kehidupannya. Surat Khwārizmī (1879) di dalam *al-Rasā'il* untuk menenangkan Miskawayh membuktikan betapa mendalamnya kesan perkahwinan tersebut terhadap kehidupan beliau.

Masalah yang dihadapi oleh Miskawayh ini mungkin menjadi pendorong yang kuat kepada beliau untuk memajukan karier akademiknya. Beliau bermula dengan menamatkan pengajian peringkat awal yang meliputi pengajian al-Quran, tatabahasa, kesusasteraan, hadis, fiqh, sejarah, aritmetik dan geometri. Walau bagaimanapun, tiada maklumat yang diperolehi tentang latar belakang pengajian tinggi dan guru-guru beliau. Apa yang pasti, buku-buku adalah gurunya, perpustakaan adalah sekolahnya dan di situlah beliau bekerja keras sepanjang waktu tanpa jemu untuk mencari ilmu (Ansari, 1964). Di awal kerjayanya sebagai ahli akademik, Miskawayh berusaha untuk mempelajari ilmu kimia. Beliau banyak membaca tulisan Jābir bin Ḥayyān (m. 815M) dan al-Rāzī serta menjalankan beberapa kajian dan penyelidikan. Menurut Walzer (1956), Miskawayh kemudiannya telah meninggalkan minatnya dalam bidang tersebut disebabkan beberapa alasan yang tertentu selain merasakannya adalah sesuatu yang sia-sia. Fasa pertama dalam biografi Miskawayh berakhir setelah beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan bidang kimia dan kampung halamannya, Rayy.

3.2 Fasa Kedua: Mengenal Falsafah

Fasa yang kedua ialah antara 956M hingga 963M iaitu bermula ketika usia beliau awal 20-an. Beliau bukan sahaja telah meninggalkan keluarga dan kota kelahirannya malahan juga minatnya dalam kajian ilmu kimia (Walzer, 1956). Beliau telah mengambil keputusan untuk berhijrah ke kota metropolitan Baghdad. Beliau berazam untuk memulakan hidup yang baru dan berusaha untuk membaiki diri. Baghdad pada abad ke 10M/11M merupakan sebuah kota pengajian dan perkembangan ilmu yang terpenting. Ramai cendekiawan yang telah lahir di Baghdad dan kebanyakan mereka terdiri daripada ahli falsafah yang telah menguasai pemikiran Islam dan Yunani. Mereka juga aktif mengadakan sesi perbincangan falsafah yang melibatkan ramai pemikir merentasi agama sama ada Islam, Kristian, Yahudi dan lain-lain. Antara ahli falsafah terkehadapan ketika itu ialah Yahyā Ibn 'Adī (m. 794), Abū Sulaymān al-Sijistānī (m. 1001), Ibn Zur'a (m. 1008), Ibn al-Khammār (m. 1017), dan ramai lagi (Fakhry, 1970).

Miskawayh telah melibatkan diri secara langsung dalam pebincangan falsafah bersama dengan ahli falsafah di Baghdad (Omar, 2003). Hal tersebut juga disahkan oleh al-Tawḥīdī (m. 1023M) yang merupakan seorang sahabat karib beliau dan juga salah seorang daripada ahli dalam perbincangan kumpulan tersebut. Dalam kalangan ahli falsafah tersebut, Yahyā Ibn 'Adī (m. 974M), seorang yang beragama Kristian dan lebih tua daripada beliau juga mempunyai minat dalam bidang yang sama iaitu falsafah akhlak. Menurut Omar (2003), Yahyā juga telah menulis sebuah karya penting mengenai akhlak dengan tajuk yang sama dengan tajuk penulisan Miskawayh, *Tahdhīb al-Akhlāq*. Miskawayh juga telah menyertai perbincangan falsafah yang diketuai oleh al-Sijistānī, seorang pemikir logik. Fakhry (1970) di dalam bukunya *History of Muslim Philosophy* menganggap bahawa Miskawayh dan rakan-rakannya; al-Tawḥīdī dan al-Sajistānī merupakan *polymath* di zaman tersebut kerana penguasaan mereka dalam bidang ilmu yang pelbagai. Selain itu, antara tokoh lain yang hidup sezaman dan bersahabat dengan Miskawayh ialah Abū Ḥasan al-'Āmirī dan Abū Bakr al-Khawārizmī. Kecenderungan Miskawayh menggunakan akal dan keutamaan nilai sejagat di dalam pembentangan idea-ideanya telah menjadikan beliau sebagai seorang tokoh yang terkenal di zaman tersebut.

Miskawayh telah mendapat perlindungan daripada pemerintah kerajaan Buwayhid yang menggalakkan percambahan dan pemikiran falsafah ketika itu (Abu Bakar, 1989). Ketika ini beliau berkhidmat kepada *wazīr* al-Muḥallabī (m. 963M) di Baghdad (Siddiqui, 2001). Selain daripada penglibatannya dalam perbincangan falsafah, beliau juga telah menjalin hubungan yang sangat akrab dengan *wazīr* al-Muḥallabī sehingga dilantik sebagai *nādim* (*fellow-drinker*) kepada *wazīr*. Miskawayh sentiasa mengambil bahagian dalam perbincangan falsafah dan kesusasteraan di meja perbincangan *wazīr*. Tugas sebagai *nādim* memerlukan beliau untuk mengarang dan mendeklamasikan puisi kepada *wazīr* dan juga kepada pemerintah. Puisi-puisi yang mempunyai unsur kelucahan dan tidak bermoral turut dihasilkan atas permintaan pemerintah dan pembantunya (*wazīr*) (Ansari, 1964). Miskawayh (1966 & 2005) telah menukikan peristiwa ini sebagai satu musibah dan tragedi hitam di dalam hidupnya kerana dipengaruhi oleh keseronokan, meninggalkan latihan atau pendidikan yang sewajarnya serta ketagihan kepada kemaksiatan. Ketika ini, Miskawayh yang masih muda telah menikmati

kehidupan yang menyeronokkan melalui hubungan akrab dengan *wazīr* al-Muhallabī. Beliau kagum dengan kecintaan *wazīr* kepada ilmu serta selesa berada di bawah naungannya.

3.3 Fasa Ketiga: Mempraktik Falsafah

Fasa ketiga kehidupan Miskawayh ialah apabila beliau kembali ke Rayy Iran pada tahun 963M berikutan kematian kematian *wazīr* al-Muhallabī. Sepertimana yang diketahui, kehidupan beliau sebelum banyak dinaungi oleh pemerintah dan kerjanya juga bergantung dengan *wazīr*. Beliau telah pulang ke kampung halamannya dan menabur berbakti di situ. Berbekalkan pengalaman bekerja dengan pemerintah di Baghdad, di Rayy beliau banyak berhubung dengan Abū al-Faḍl Muḥammad Ibn al-‘Amīd (m. 970M), *wazīr* Rukn al-Dawlah (Omar, 2003).

Wazīr Rukn al-Dawlah sangat mempercayai Miskawayh dan telah melantik beliau sebagai pustakawan. Bahkan beliau juga telah diberikan penghormatan untuk mengajar anaknya, Abū al-Faḥ (m. 976M). Perpustakaan Ibn al-‘Amīd sangat besar dan mengandungi pelbagai jenis buku dan bidang antaranya seperti sains, falsafah, agama, kesusasteraan, sejarah dan perubatan (Ansari, 1964). Buku-buku yang ada di perpustakaan ini telah menjadi sesuatu yang sangat berharga dalam kehidupannya. Beliau telah menggunakan perpustakaan ini sebaik mungkin dalam perjalanan keilmuannya. Selepas kematian Ibn al-‘Amīd, anaknya Abū al-Faḥ telah menggantikan beliau dan Miskawayh terus memegang jawatan sebagai penjaga perpustakaan. Hubungan yang baik dengan Ibn al-‘Amīd dan Abū al-Faḥ menyebabkan Miskawayh mendapat naungan yang berterusan daripada pemerintah Rukn Dawlah.

Miskawayh banyak menghabiskan masanya membaca buku-buku yang ada di perpustakaan *wazīr* Rukn al-Dawlah. Di luar jadual pengajaran atau kelas terutamanya kepada Abū al-Faḥ, beliau seringkali melakukan ulangkaji apa yang pernah dibincangkan dalam halakah-halakah di Baghdad. Akan tetapi selepas itu, *wazīr* telah dipenjarakan pada tahun 976M dan Miskawayh mengambil keputusan untuk kembali ke Baghdad (Omar, 2003). Kedudukannya mungkin terancam dengan ketiadaan sokongan daripada pemerintah seperti sebelum ini. Apatah lagi pemerintah yang memberikan naungan kepadanya juga telah dipenjarakan oleh pemerintah yang baharu. Selepas 13 tahun di Rayy, beliau akhirnya kembali semula ke Baghdad.

3.4 Fasa Keempat: Menganalisis Pemikiran Falsafah


Pada fasa keempat kehidupan Miskawayh, beliau telah kembali ke Baghdad. Ketika ini beliau banyak berhubung dengan ‘Aḍud al-Dawlah dan beliau telah melantiknya sebagai *nadīm* dan pustakawan untuk menjaga buku-buku. Miskawayh mendapat sepenuh kepercayaan daripada pemerintah sehinggakan dalam beberapa keadaan beliau juga berkhidmat sebagai setiausaha sulit kepadanya (Ansari, 1964). Selepas ‘Aḍud al-Dawlah meninggal dunia pada 983M, Miskawayh menghilangkan diri dan berlindung di rumah Ibn Khammār (m. 1017M) dan Abū Ḥayyān al-Tawḥīdī (m. 1023M). Pada ketika ini, umur Miskawayh telah mencecah 47 tahun dan mula menelaah tulisan-tulisan falsafah seperti *Isagoge of Porphyry* dan *Categories of Aristotle* yang dipinjam dari Abū Ḥayyān. Beliau kemudian telah berkhidmat kepada Ṣamṣām al-Dawla (m. 998M), Sharf al-Dawla (m. 989M) dan Bahā’ al-Dawla (m. 1012M). Dalam tempoh ini, beliau bekerja sebagai pustakawan, menumpukan perhatian kepada penulisan buku berkaitan sejarah, falsafah dan beberapa bidang yang lain juga (Omar, 2003).

Miskawayh telah menyiapkan buku *Tajārib al-Umam* dan *al-Hawāmil al-Shawāmil* pada fasa ini iaitu ketika usianya mencecah 80 tahun. Pada waktu ini juga beliau sedang sibuk menulis karya monumentalnya, *Tahdhīb al-Akhlāq*. Pada pengakhiran usianya, Miskawayh sempat bertemu dengan Ibn Sīnā (m. 1037M), seorang ilmuwan muda yang berbakat besar pada waktu itu. Apabila dewasa, Ibn Sīnā telah menjadi seorang ahli falsafah yang berpengaruh kerana usahanya menggabung sumber ilmu daripada tradisi Islam dan Barat untuk diaplikasikan dalam pelbagai lapangan kehidupan (Salleh & Embong, 2017). Kreamer (1986) pernah menceritakan tentang pertemuan Miskawayh dengan Ibn Sīnā dan cerita pertemuan ini seterusnya diperincikan lagi oleh Ansari (1964). Pada suatu hari, sewaktu Miskawayh sedang menjalankan kuliah akhlak, Ibn Sīnā bagi bertujuan menguji keilmuan Miskawayh telah melempar beberapa bijian kepada beliau, dan telah meminta beliau untuk mengira berat bijian tersebut. Hal yang berlaku tersebut telah menyinggung perasaannya sehinggakan beliau membaling ke lantai beberapa helai nota pengajaran yang berada di tangan. Pada masa yang sama beliau juga meminta Ibn Sīnā untuk membetulkan sikapnya tersebut. Sikap Miskawayh dan layanannya kepada Ibn Sīnā dijelaskan lagi oleh Ansari (1964) sebagai sesuatu yang berakhlak kerana beliau berjaya mengawal emosinya dan pada masa yang sama menasihati Ibn Sīnā dengan penuh adab. Miskawayh telah

diberikan umur yang panjang akhirnya meninggal di Işfahān sewaktu usianya mencecah 96 tahun dan disemadikan di situ juga.

4. Analisis Naratif Biografi Miskawayh

Menurut Omar (2003), sejarah latar belakang Miskawayh dibahagikan kepada 3 fasa yang berbeza iaitu; (i) kehidupan awal beliau, sehingga umurnya 20 tahun, (ii) sepanjang tempoh beliau berkhidmat kepada kerajaan Buwayhid, lebih kurang sehingga umurnya 45 tahun, dari 953M sehingga 998M dan (iii) ketika beliau melepaskan tanggungjawab dan perkhidmatannya sehingga meninggal dunia, antara 998M sehingga 1030M. Namun begitu, di dalam penulisan ini, riwayat kehidupan Miskawayh dibahagikan kepada empat fasa seperti mana yang terdapat pada rajah 1 di bawah. Fasa ketiga dalam kajian Omar (2003) telah dibahagikan kepada dua fasa (iaitu fasa ketiga dan keempat) dalam kajian ini. Penambahan fasa dalam riwayat kehidupan Miskawayh adalah kerana kepentingan fasa yang ketiga dalam kajian ini. Fasa ini adalah fasa peralihan antara fasa kedua kepada fasa terakhir yang mana menjelaskan tentang pembentukan kesarjanaan dan keperibadian Miskawayh.



Rajah 1. Fasa kehidupan Miskawayh

Fasa pertama ialah zaman kanak-kanak sehingga ke usia remaja Miskawayh di Rayy. Keseluruhan fasa pertama kehidupan beliau ini menjelaskan tentang persediaan awal Miskawayh dalam pelbagai cabang ilmu walaupun terdapat sedikit gangguan disebabkan oleh masalah keluarga. Namun demikian, menurut Omar (2003), keluarga Miskawayh juga telah berperanan untuk memastikan beliau menamatkan pengajian awalnya tentang Islam. Beliau boleh dianggap seorang yang cecal kerana meneruskan pengajian walaupun dihipit dengan masalah tersebut. Beliau telah mempelajari ilmu-ilmu asas dalam pengajian Islam serta terlibat dalam penyelidikan bidang ilmu sains iaitu kimia. Penglibatan dalam bidang sains ini juga mungkin dipengaruhi oleh tokoh penting di Rayy iaitu al-Razī (Ansari, 1964). Pengalaman dalam bidang ilmu kimia juga menjelaskan minda saintifik yang dimiliki oleh beliau. Kemudahan keewangan dan suasana perkembangan akademik yang rancak di Rayy membantu perkembangan intelek Miskawayh.

Fasa yang kedua dalam naratif biografi Miskawayh ialah ketika usianya mencecah 20 tahun dan ke atas. Dalam usia ini, beliau telah membuat satu keputusan yang penting dalam hidupnya. Keputusan ini juga telah menjadi titik ke arah pembinaan kesarjanaan Miskawayh. Menurut Omar (2003), Miskawayh sememangnya seorang pemuda yang berbakat, mempunyai latihan dan ilmu yang mencukupi sehingga beliau dapat meneruskan kariernya di tempat baru. Beliau telah memilih untuk meninggalkan segalanya yang beliau ada di Rayy dan berhijrah ke Baghdad. Beliau cukup tahu yang beliau tidak mungkin dapat meninggalkan bidang kimia dan mempelajari sesuatu yang baru jika masih kekal di kota Rayy. Beliau juga yakin bahawa Baghdad merupakan tempat yang paling sesuai untuk memulakan sebuah kerjaya dan kehidupan yang baru.

Baghdad bukan sekadar kota metropolitan pada waktu itu, tetapi sebuah kota yang menawarkan banyak peluang untuk perkembangan ilmu terutamanya ilmu falsafah (Omar, 2003). Ini kerana di sana juga merupakan tempat berhimpunnya cediakawan dan terdapat halakah perbincangan ilmu yang aktif.

Pada usia yang muda Miskawayh telah mula melibatkan diri dalam perbincangan ilmu falsafah bersama dengan kumpulan pemikir falsafah tersohor di Baghdad. Hal yang tersebut menunjukkan kebolehan luar biasa yang ada pada beliau sehinggakan mampu menyertai perbincangan intelektual anjuran tokoh seperti Yahyā bin 'Adī, al-Tawhīdī dan al-Sijistānī (Nasr & Leaman, 2008). Bagi meneruskan kelangsungan hidupnya, Miskawayh juga berkhidmat dengan pemerintah. Kerjaya beliau sebagai *nādim* dan hubungan baik dengan pemerintah dapat menjamin karier dan kedudukannya di Baghdad. Keselesaan dan kemewahan yang dilimpahkan kepada Miskawayh pada usianya yang muda telah menyebabkan beliau terlalai. Beliau telah terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat dan masalah akhlak. Oleh kerana itu, walaupun telah mendapat naungan daripada pemerintah dan mempunyai kerjaya yang baik, Miskawayh (2005) menganggap fasa ini merupakan titik hitam dalam kehidupannya. Beliau telah mengambil langkah untuk memperbaiki kehidupannya dan meninggalkan akhlak yang tidak baik seperti mana yang dibincangkan di dalam fasa keempat.

Fasa ketiga kehidupan Miskawayh ialah setelah beliau kembali ke tempat kelahirannya semula di Rayy daripada Baghdad. Berbekalkan ilmu dan pengalaman yang diperolehi semasa di Baghdad, Miskawayh meneruskan kerjayanya dan penglibatannya dalam bidang ilmu. Beliau telah berkhidmat kepada pemerintah sebagai pegawai khas atau *nādim* dan pustakawan seperti kerjayanya di Baghdad. Menurut Ansari (1964), pada masa yang sama beliau masih tekun menelaah ilmu falsafah. Beliau mempunyai semangat yang tinggi untuk mengkaji dan membaca walaupun ketika ini usianya telah mencecah 30 tahun lebih. Ini ditambah lagi dengan peranan pemerintah yang sentiasa menggalakkan perkembangan ilmu. Buktinya pemerintah di Rayy ketika itu ialah Abū al-Faḍl Muḥammad Ibn al-'Amīd (m. 970M) yang merupakan *wazīr* Rukn al-Dawlah mempunyai sebuah perpustakaan sendiri yang besar dan melantik pustakawan yang berkelayakan iaitu Miskawayh.

Dengan kemudahan bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan tersebut, pada fasa yang ketiga ini Miskawayh telah mendedikasikan masanya untuk menelaah pelbagai tema penulisan dan mengajar. Melalui sumber pembacaan yang luas, beliau mampu menguasai pelbagai cabang ilmu terutamanya falsafah akhlak dan sejarah. Selain daripada penglibatan dalam bidang akademik dan kesarjanaan, Miskawayh tidak meninggalkan usahanya untuk memurnikan akhlaknya (Ansari, 1964). Oleh itu, walaupun, perbincangan kehidupan fasa ketiga ini sedikit berbanding fasa-fasa yang lain, fasa ketiga menjadi satu fasa yang sangat penting bagi perubahan dalaman dan akhlak Miskawayh.

Fasa yang keempat boleh dianggap sebagai kemuncak kerjaya akademik bagi Miskawayh. Pada fasa ini beliau kembali ke Baghdad dan terlibat secara langsung dalam perbincangan falsafah. Miskawayh telah berpeluang mengkaji literatur Yunani kerana pada zaman ini di Baghdad kerja-kerja pemindahan dan penterjemahan karya-karya Yunani ke dalam Bahasa Arab hampir lengkap terutamanya karya-karya Aristotle, Plato dan neo-Platonik. Walaupun begitu, terdapat juga sumber yang mengatakan bahawa Miskawayh merujuk terjemahan karya Yunani berbahasa Syria yang masih belum diterjemah ke dalam Bahasa Arab sama ada disebabkan oleh hubungan baik beliau dengan kebanyakan penterjemah berketurunan Syira beragama Kristian-Yahudi atau sememangnya beliau mahir dalam bahasa kuno seperti Syria (Ansari, 1964).

Beliau sangat aktif dalam bidang penulisan pada 20 tahun terakhir ini sehingga terhasilnya beberapa karya penting. Walaupun permulaan kajian bidang falsafah bermula pada fasa terakhir iaitu di lewat usianya, komitmen Miskawayh telah menjadikan beliau antara tokoh falsafah penting dalam pembentukan ilmu falsafah akhlak Islam. Antara karya penting yang telah terhasil ialah *Tahdhīb al-Akhlāq*, *al-Hawāmil al-Shawāmil* dan *Tajārib al-Umam*. Karya-karya ini telah dihasilkan ketika beliau telah mencapai kematangan dari segi ilmu dan pengalaman. Buktinya ialah melalui penghasilan karya magnum opus, *Tahdhīb al-Akhlāq* yang membahaskan tentang falsafah akhlak Islam yang masih lagi dibaca dan dikaji oleh ahli falsafah Islam dan Barat sehingga ke hari ini (Abd. Rahman, 2017).

Selain daripada itu juga, beliau telah berusaha untuk memurnikan akhlaknya sendiri pada fasa ini. Usaha permurnian akhlak yang telah dilakukan oleh Miskawayh dapat dilihat ketika pertemuannya dengan Ibn Sīnā. Berdasarkan kepada rekod sejarah, tiada sebarang rekod yang jelas oleh pengkaji mahupun daripada tulisan Miskawayh sendiri tentang bilakah masa yang tepat perubahan akhlak berlaku dalam diri beliau sehingga beliau sedar akan kepentingan akhlak dan etika seperti pemurniaan jiwa dan kepentingan kehidupan Akhirat (Omar, 1994). Walaupun begitu, berdasarkan kisah pertemuan Miskawayh dan Ibn Sīnā, jelaslah bahawa proses ini terjadi di lewat usianya (Ansari, 1964) iaitu pada fasa yang keempat. Oleh kerana itu, menurut Omar (2003) perubahan kehidupan Miskawayh pada fasa akhir kehidupannya. Pada peringkat ini, minatnya yang jitu pada falsafah terutamanya akhlak dan kajian yang mendalam tentang sejarah manusia, memberi keyakinan kepada Miskawayh tentang kepentingan nilai akhlak dan musibah yang akan terjadi kepada kehidupan yang hanya

memburu keseronokan. Hasil daripada kesedaran ini, Miskawayh telah berusaha untuk mengubah cara hidupnya dan berjaya meninggalkan tabiat silamnya yang tidak baik. Berkaitan dengan hal ini Miskawayh (1966: 42) merekodkan di dalam *Tahdhīb*:

Para pembaca buku ini seharusnya tahu bahawa aku telah berjaya secara berperingkat-peringkat dalam membuang kejahatan daripada jiwaku, ketika usia tua selepas pengukuhan akhlak, aku telah berjuang dalam satu peperangan yang dahsyat.

Beliau akhirnya telah menghabiskan hayatnya di zaman pemerintahan kerajaan 'Abbāsiyyah. Dalam fasa terakhir ini juga beliau berhijrah ke Iṣfahān dan meninggal dunia di situ pada usia 96 tahun.

Naratif empat fasa kehidupan dalam biografi Miskawayh telah mendapati bahawa ahli falsafah akhlak Islam abad pertengahan ini telah menimba pengalaman yang berbeza bagi setiap fasa. Fasa pertama merupakan fasa pendidikan awal, fasa kedua ialah fasa untuk mengenal falsafah dan fasa ketiga fasa mengaplikasikan falsafah dan fasa yang terakhir adalah fasa menganalisis dan menilai falsafah. Miskawayh juga telah berjaya memurnikan keperibadiannya secara berperingkat-peringkat mengikut fasa-fasa tersebut. Kesemua ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa komitmen yang jitu daripada Miskawayh terhadap ilmu walaupun ketika berada dalam kesusahan dan berhadapan dengan masalah. Semua fasa selepas melepasi usia remaja, iaitu bermula daripada fasa kedua sehingga keempat juga menyaksikan dedikasi beliau terhadap ilmu, bekerja sebagai pustakawan, penglibatan dalam halakah atau perbincangan ilmu dan mengajar. Selain daripada itu, persekitaran kehidupan Miskawayh telah membantu dalam membentuk keserjanaan beliau. Hubungan antara kehidupan individu dengan kehidupan sosial dan proses sejarah yang telah membentuk atau menyumbang kepada kepada pengalaman biografi Miskawayh yang penuh dengan warna. Oleh yang demikian, selain daripada kemampuan luar biasa Miskawayh, latar sosial dan persekitaran semasa juga telah memungkinkan beliau untuk menguasai pelbagai disiplin ilmu. Suasana dan persekitaran yang kondusif bagi pembinaan keilmuan Miskawayh ini dinyatakan oleh Omar (2015: 16):

Oleh yang demikian, Miskawayh bernasib baik kerana dapat berada di pusat pembangunan tamadun Islam yang telah menawarkannya peluang untuk mengembangkannya dan minatnya dan menyertai pelbagai bentuk program sama ada berbentuk politik, intelektual dan menyumbangkannya dengan cara yang tersendiri.

5. Kesimpulan

Miskawayh merupakan seorang ahli falsafah penting pada abad pertengahan. Sumbangan beliau yang paling diingati ialah dalam bidang falsafah akhlak. Analisis naratif terhadap biografi Miskawayh mendapati beliau telah melalui empat fasa yang berbeza. Fasa-fasa yang berbeza dan penglibatannya dalam lapangan kerjaya dan akademik yang pelbagai telah meluaskan pengalaman dan pemikiran beliau. Setiap fasa kehidupan yang telah dilalui oleh Miskawayh menunjukkan pembangunan keilmuan, sendiri serta kerjayanya. Oleh kerana itu, penulisan Miskawayh tentang akhlak terutamanya di dalam *magnum opus* yang bertajuk *Tahdhīb al-Akhlāq* menjadi sebuah karya yang berpengaruh dan mendapat perhatian ahli akademik pelbagai lapisan sehingga kini. Karya yang telah ditulis di penghujung hayat Miskawayh tersebut juga telah membuktikan keserjanaan beliau dalam kajian ilmu falsafah akhlak Islam.

Rujukan

- 'Abd al-'Azīz, I. (1946). *Miskawayh: Falsafatuhu al-Akhlāqīyyah wa Maṣādiruhā*. t.tp.: t.pt.
- Abd. Rahman, K. A. (2017). Wacana Dakwah dan Usuluddin kontemporari. *Penulisan etika Miskawayh (1030m)* (pp. 21-33). Bangi: Fakulti Pengajian Peradaban Islam.
- Abdul Latiff, A. Z., Hamzah, A. & Mad Aros, A. (2015). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Abu Bakar, I. (1989). Some aspects of Miskawayh's thought. *Islamiyyat*, 10 (1), 115-123.
- Al-Khwārizmī, M. (1879). *Rasā'il*. Constantinople: Maṭba' al-Jawāib.
- Ansari, M. A. H. (1964). *The ethical philosophy of Miskawayh*. India: The Aligarh University Press.
- Darusalam, G. (2017). *MPU 3122 Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia (OUM).
- Fakhry, M. (1970). *History of Islamic philosophy*. New York, NY: Columbia University Press.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 5, No. 1, June 2020

- Fakhry, M. (1975). Justice in Islamic philosophical ethics: Miskawayh's mediating contribution. *Journal of Religious Ethics*, 3(2), 243-254.
- Hj. Daud, M. (2004). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Jamal al-Din, N. (2001). Miskawayh (A.H. 320-421/A.D.932-1030). *Prospects: The Quarterly Review of Comparative Education*, 24(1), 1-18.
- Kraemer, J. L. (1984). Humanism in the renaissance of Islam: a preliminary study. *Journal of the American Oriental Study*, 104(1), 135-164. doi: 10.2307/602647
- Kraemer, J. L. (1986). *Humanism in the Renaissance of Islam*. Leiden, Netherland: E. J. Brill.
- Kridel, C. (2020). An Introduction to biographical research. Retrieved from <http://www.aera.net/SIG013/Research-Connections/Introduction-to-Biographical-Research>
- Leaman, O. (1998). Ibn Miskawayh, Ahmad ibn Muhammad (c.940-1030). Retrieved from <http://www.muslimphilosophy.com/ip/rep/H042.htm>
- Miskawayh. (1966). *The refinement of character*. Beirut: t.pt.
- Miskawayh. (2005). *Tahdhīb al-akhlāq*. t.tp: Ṭali'ah al-Nūr.
- Mohamed Taib, M. I. (2004). Friendship: Miskawayh and the ethical tradition. *The Muslim Reader Magazine*, 1-5.
- Muhammad Al-'Amru, A. (2006). *Al-Akhlāq bayna madrasatani al-salafiyah wa al-falsafah (Miskawayh wa Ibn al-Qayyim namuzajan)*. t.tp.: t.pt.
- Nasr, S. H. & Leaman, O. (2008). *History of Islamic philosophy*. London & New York: Routledge.
- Omar, M. N. (2003). *Christian and Muslim ethics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, M. N. (2015). Miskawayh's apologia for Greek philosophy. *European Journal of Interdisciplinary Studies*, 3(1), 107-110. doi: <http://dx.doi.org/10.26417/ejis.v1i3.p107-110>
- Salleh, S. & Embong, R. (2017). Educational views of Ibn Sīnā. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(1), 13-24.
- Siddiqui, B. H. (2001). Miskawaih's thought on human personality. *Intellectual Discourse*, 9 (1), 29-46.
- Walzer, R. (1956). Some aspect of Miskawayh's Tahdhīb al-Akhlāq. *Islamic Philosophy, Miskawayh Abu Ali Ahmad Ibn Muhammad (d.421/1030) Text and Studies*. Institute for History of Arabic-Islamic Science Johann Wolfgang Goethe University Frankfurt am Main.
- Y Mohamed. (2000). Greek thought in Arab ethics: Miskawayh's theory of justice. *Phronimon*, 2, 242-259.
- Yāqūt, A. H. (1993). *Mu'jam al Udabā'*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Zinn, J. O. (2004). *Introduction to biographical research*. United Kingdom, UK: University of Kent at Canterbury.